

# Apa nasib penternak kupang Sebatu?

Oleh HADI AB. MANAP  
hadi.manap@mediamulia.com.my

**JASIN:** Hampir empat bulan berlalu sejak larangan memakan dwicangkerang di negeri ini dikeluarkan Jabatan Perikanan, para penternak kupang di Sebatu, Merlimau di sini masih mewanti jawapan bila mereka boleh menjual hasil laut itu seperti se-diakala.

Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan Jasin, Mohd. Sah Hasim berkata, sudahlah kehilangan sumber pendapatan bulanan dan terpaksa menanggung kerugian puluhan ribu ringgit akibat kematian ternakan, bantuan untuk meringankan beban nelayan terlibat juga belum diterima sehingga kini.

Ujarnya, ia termasuk bantuan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang dikatakan telah disalurkan dan bantuan kerajaan negeri seperti dimaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh, Jun lalu.

“Setakat ini masih tidak dibenarkan untuk kita keluarkan hasil oleh Jabatan Perikanan. Jawapannya masih sama, bacaan biotoksin masih berada pada paras tidak dibenarkan serta kupang tidak disahkan selamat untuk dimakan.

“Soal bantuan pula memang tidak dengar khabar berita termasuklah yang dikatakan disalurkan melalui LKIM. Kami masih menunggu bantuan-bantuan itu, kalau boleh percepatkanlah kerana jangka masa em-



**PENTERNAK** menunjukkan kupang yang tidak boleh dijual di perairan Sebatu, Jasin, Melaka. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD

pat bulan itu bukannya sekejap.

“Ramai penternak terpaksa cari ikhtiar lain untuk sara diri. Empat bulan tidak boleh jual kupang, tiada pampasan. Kita minta pihak bertanggungjawab lihatlah isu ini terutama kumpulan penternak yang amat terkesan sejak April lalu,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, kerajaan negeri sedang memperhalusi bantuan untuk disalurkan kepada penternak kupang dan kerang yang terjejas susulan larangan penjualan hasil laut itu.

Muhamad Akmal sebelum ini

berkata, penternak terlibat telah menerima bantuan LKIM.

Tambah Mohd. Sah, bukan sahaja dirudum isu ternakan mati berikutnya tidak boleh dijual, benih kupang juga kini tidak menjadi dipercayai kesan daripada aktiviti penambakan di Muar.

“Akibat masalah air, saya rasa akibat penambakan tanah pulau di Muar. Itu yang menyebabkan benih tidak menjadi. Kupang ini benih menjadi bila air tawar, bila air masin dan hakisan tanah dari sebelah sana mengakibatkan benih tidak menjadi,” jelasnya.